



PM melambai kepada jurugambar selepas menaiki KL Monorail selepas merasmikannya di Stesen Bukit Bintang.



DR. MAHATHIR melawat kembar siam Azami Kamarun Zaman yang berjaya dipisahkan melalui pembedahan 19 jam sambil diberi penerangan oleh Bekas Pengarah Hospital Kuala Lumpur, Dr. Ramlee Rahmat.



DR. MAHATHIR mencuba untuk memasak semasa menghadiri Hari Keluarga HASIL di Putrajaya.

# Persaraan Dr. Mahathir

## Warga kota rasa kehilangan

UM 31/10/2003 - 1 PRECISE

Oleh ROSNIZA MOHAMAD dan RADZUAN HASSAN

**K**UALA LUMPUR 30 Okt. - Sumbangan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri memang terlalu banyak dan antaranya, memastikan proses perbandaran berjalan lancar seperti dirancang.

Walaupun pada dasarnya, Dr. Mahathir perlu memikirkan mengenai dasar negara tetapi beliau tetap prihatin kepada soal-soal kecil perbandaran seperti isu sampah, setingan sehinggalah kepada soal lampu jalan.

Ternyata, idea, visi, arahan dan teguran beliau sering dijadikan panduan bagi menjadikan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang lebih cekap dan berkesan. "Perdana Menteri adalah penyuluh bagi kami yang sentiasa memberi tunjuk ajar dan teguran bernas di dalam merealisasikan pembangunan di bandar raya Kuala Lumpur ini," kata Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaïd Mohd Taufek.

Menurut beliau, Dr. Mahathir tidak pernah kenal erti penat dan jemu dalam memberikan idea, semangat dan inspirasi kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai badan pentadbir yang bertanggungjawab terhadap ibu negara Malaysia ini.

Katanya lagi, Dr. Mahathir juga merupakan pemimpin yang inginkan perubahan dan pembangunan Kuala Lumpur tidak ketinggalan, sekaligus dikenali ramai di peringkat antarabangsa.

Melalui sikapnya yang bersahaja, Mohamad Shaïd menjelaskan, apa yang diucapkan oleh Perdana Menteri meninggalkan kesan mendalam dalam corak pentadbiran DBKL.

"Pernah suatu ketika, PM menegur mengenai air kotor yang melimpah ke jalan raya dengan nada yang bersahaja tetapi saya tahu bahawa beliau mahukan bahawa perkara tersebut diatasi segera," ujarnya.

Beliau memberitahu, sikap PM menegur perkara yang sentiasa dianggap remeh itu memang dikagumi kerana ia adalah perkara asas yang jarang dilihat.

"Kalau sampai masalah air kotor pun diperhatikannya, bayangkanlah bagaimana Dr. Mahathir boleh duduk diam sekiranya warga kota mempunyai masalah," kata Mohamad Shaïd.

Untuk itu, beliau berkata PM merupakan tunggak pembangunan di bandar raya Kuala Lumpur dan semua aspek seperti kebersihan, landskap, taman dan infrastruktur, sentiasa diambil berat olehnya.

Lihat muka 6



DR. MAHATHIR melambai kepada orang ramai sewaktu tiba untuk Perhimpunan Patriotik Raksasa Masyarakat Malaysia di Jalan Petaling sempena lawatan beliau ke sana.

# Persaraan Dr. Mahathir: Warga kota rasa kehilangan

UM 31/10/2003 -

Dari muka 1

Sambil menyifatkan PM sebagai 'pembimbing', Mohamad Shaid berkata, pemergian beliau sebagai PM akan dirasai oleh seluruh warga kota.

"Kami di DBKL amat berterima kasih di atas bimbingan yang diberikan sebelum ini kerana kami tahu teguran dan arahan yang datang daripadanya adalah semata-mata untuk kebaikan semua," akhirnya.

Bagi Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Salamet Selamat pula memberitahu, PM perlu dikenang kerana beliau memperkenalkan usaha mencapai perkhidmatan PBT bertaraf dunia.

Selain itu, menurutnya, PM juga seorang pemimpin pelopor yang memperkenalkan konsep pengurusan 'hands on' iaitu mempercayai orang-orang bawahan.

## Berkesan

"Melalui kepercayaan itu, mutu perkhidmatan akan semakin berkesan," ujarnya sambil menambah sikap PM yang suka mencatat masalah yang timbul di dalam buku nota kecil juga perlu diamalkan bagi mengelakkan seseorang itu daripada lupa mengenai perkara penting.

"Bagi saya, Dr. Mahathir cukup teliti dan mengambil berat mengenai tahap kebersihan dan keselesaan termasuk perkara yang kita anggap remeh seperti kebersihan tandas," jelasnya.

Secara peribadi, menurutnya, ketelitian PM menjadi inspirasi kepadanya meneruskan kecermerlangan Majlis Bandaraya Shah Alam menjadi PBT terbaik.

Bagi Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya, Abd. Hakim Borhan pula, kepimpinan dan pengorbanan PM sukar dicari ganti.

Katanya, Dr. Mahathir berpandangan luas dan jauh terutamanya di dalam menggerakkan pentadbiran di sesebuah PBT di negara ini.

"PM tidak pernah lokek dengan ilmu pengetahuan yang beliau tahu lebih-lebih lagi apabila beliau baru balik daripada mengadakan lawatan ke luar negara.

"Apa yang pasti, beliau mahukan apa yang



DR. MAHATHIR Mohamad melihat model bangunan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada upacara ringkas perasmian di KLCC, yang turut dihadiri Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufek (kiri).

DR. MAHATHIR Mohamad dan timbalannya Abdullah Ahmad Badawi (dua dari kanan) hadir sama memberi sokongan pada majlis Aman Malaysia di Stadium Bukit Jalil.



WAKIL Majikan Kuala Lumpur City Centre Berhad, P. Krishnasamy memberi penerangan kepada Dr. Mahathir mengenai tapak pembinaan projek Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada upacara ringkas di KLCC, hari ini.

dibuat di luar negara dipraktikkan di sini. Biasanya PM akan merujuk kepada aspek kecantikan, landskap dan kebersihan," katanya.

Beliau memberitahu, PM sentiasa menganggap tiada yang mustahil tidak dapat dilakukan di negara ini kerana slogan 'Malaysia Boleh' yang diamalkan.

Sebagai contoh, Abd. Hakim berkata, penggunaan tasik tinggal atau bekas lombong terbiar disarankan PM untuk diguna pakai sebagai tempat rekreasi dan sebagainya.

Konsep itu, katanya, memberikan idea kepada banyak PBT untuk menjadikannya



Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengangkat angka seberat 30 kilogram bersama Pengurus Kawan Pertanian Sdn Bhd, Hock Jok Hon (dua dari kanan) bersama pembantunya selepas beliau merasmikan MAHA 2002 di sini, hari ini.

sebagai satu cabaran.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selangor, Bakaruddin Othman pula menyifatkan PM sebagai inspirasi untuknya bekerja lebih gigih dalam memastikan penyelesaian penduduk.

Bakaruddin berkata, komitmen PM di dalam PBT adalah terlalu erat kerana pandangan yang diberikan beliau akan dijadikan garis panduan di dalam organisasi pentadbiran.

"Kami melihat PM sebagai seorang pemimpin yang kuat bekerja yang sentiasa inginkan pembaharuan supaya boleh berada sebaris dengan kawasan membangun lain," katanya.

## Idola

Namun dengan batas kerja dan kuasa yang ada padanya, Bakaruddin berkata PM wajar dijadikan idola daripada semua aspek.

"Bila PM dah buka mulut, kita di PBT harus cepat-cepat bertindak kerana ia ternyata akan mendatangkan kebaikan," katanya.

Jelas Bakaruddin, seperti nama Batu Caves yang suatu masa dahulu pernah dipertikaikan untuk ditukar namanya, PM dengan nada bersahaja berkata tidak perlu ditukar kerana ia merupakan simbol dan kemegahan pihak berkenaan.

Keadaan itu, ujar beliau, menunjukkan PM peka dan mahukan supaya rakyat sentiasa gembira dan berpuas hati dengan apa yang

ada kerana ia melambangkan keharmonian rakyat di negara ini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Ramli Mahmud pula menyifatkan PM sebagai pemimpin terbaik yang pernah mentadbir negara.

Dengan ketokohan dan semangat boleh yang diserapkan oleh PM, semua arahan dan teguran yang diberikan harus diterima dengan hati terbuka oleh semua PBT.

"Susah nak terangkan mengenai PM ini kerana beliau memiliki semua keterampilan diri yang harus ada pada diri seorang pemimpin.

"Namun, apa yang pasti mulai 1 November ini, kita semua akan merasai kehilangan yang sukar untuk dicari ganti," katanya.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang, Datuk Sharif Yusof pula menganggap PM sebagai pemimpin yang mengamalkan corak pengurusan terbaik.

Menurut beliau, hasil pengurusan itu, PM mempunyai idea pengurusan yang mantap termasuk berkaitan dengan perkhidmatan PBT sendiri.

"PBT seperti MPK merasakan pemergian PM sebagai satu kehilangan besar dan kami amat menghargai segala jasa beliau selama ini," katanya.

PM juga, katanya, telah memartabatkan pengurusan mantap di kalangan PBT di negara ini melalui perkhidmatan bertaraf antarabangsa.



DR. MAHATHIR Mohamad melihat model tapak Lembah Bio Malaysia selepas merasmikan majlis pecah tanah projek itu di Dengkil, Selangor.